

ISYARAT DAN MANIFESTASI SENI DALAM AL-QUR'AN: SATU SOROTAN

Oleh:
Makmur*
Abdullah Yusof**

Abstrak

Al-Qur'an mengandungi seni sastera yang sarat dan penuh dengan makna-makna tidak ternilai, memiliki tulisan seni khat yang pelbagai, memerintah manusia untuk sentiasa belajar, membaca dan menulis serta menyeru kepada amal ma'ruf dan nahi mungkar. Selain menjadi isyarat dalam berbagai bidang, *al-Qur'an* telah mengungkap bidang seni yang sangat mendalam, sebagai manifestasi terhadap tanda-tanda alam, sains, sastera, dan budaya, bahkan tulisannya juga sudah dikembangkan menjadi wasilah dakwah, saluran artistik, hiasan estetik dan menjadi pola hidup dalam membentuk simbol-simbol seni dalam mewarnai rohani dalam jiwa manusia. Tulisan ini cuba mengangkat dan merungkai keindahan seni yang terkandung dalam *al-Qur'an* dalam berbagai bentuk dan makna agar dapat lebih mudah dihayati melalui simbol spiritual mahupun simbol estetik kehidupan individu atau masyarakat.

Kata kunci: Seni Dalam *al-Qur'an*; Seni Islam

Abstract

Al-Qur'an contains arts literature, full of meanings, has various arts of calligraphy, asking humankind to learn continuously, read and write despite of asking people to enjoin good and prevent evil. Apart of being sources in various aspects, *al-Qur'an* has discusses arts in details, as a manifestation to the world, science, literature, culture, which its writing has become the medium of dakwah, artistic, esthetic and as a way of life in shaping symbols of art which influence human internal and external life. This paper will attempt to discuss the beauty of arts in the *Qur'an* in its various shape and meaning in order to learn from its spiritual or esthetical symbols of life as individual or society.

Keywords: Arts in the *Qur'an*; Islamic Arts

* Makmur, M.Us adalah Calon Ph.D di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi di abu_fawiq@yahoo.com /abu_fawiq@gmail.com.

** Abdullah Yusof, PhD adalah Pensyarah Kanan Seni Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi di abdy@um.edu.my

Pendahuluan

Seni merupakan khazanah dunia yang terus dimiliki umat manusia. Perkembangan seni yang tersebar ke seluruh pelosok dunia dengan berbagai bentuknya menjadikan umat Islam harus dapat membuat pilihan mengenai seni yang boleh dan tidak dibolehkan berdasarkan ajaran agama Islam. Seni ini disalurkan berdasarkan perubahan-perubahan yang berlaku tanpa menghilangkan ciri dan nilai kerohanian yang ada dalam ajaran Islam. Justeru, isyarat-isyarat al-Qur'an mengenai seni sangat mempengaruhi asas pengembangan aktiviti-aktiviti kesenian bagi umat manusia sejagat.

Selain itu, isyarat seni ini perlu tetap dikemukakan menerusi pelbagai dimensi agar seni dan budaya ini dapat dilestarikan sehingga tidak ditelan zaman. Seni dalam konteks Islam mengandungi beberapa ciri sebagai komponen bersepadu yang melengkapinya antara satu sama lain iaitu keindahan, unsur moral, kepelbagaian dalam kesatuan dan hubungan antara agama, etika dan estetika.¹ Selain itu, ianya boleh ditonjolkan sebagai simbol keunggulan kesenian dalam tamadun Islam dan setanding dengan kesenian lainnya di dunia. Dalam hal yang sama, perkembangan ini dapat dijadikan simbol-simbol yang dapat mempengaruhi diri seseorang untuk lebih mendalami dan menghayati isi dan kandungan al-Qur'an serta dapat menjadikannya sebagai cerminan kehidupan masyarakat Islam.

Pengertian Seni

Pengertian seni dapat dilihat dalam dua fragmen makna iaitu dari segi bahasa (etimologi) yang menurut Kamus Dewan bermakna halus (kecil, elok) tipis dan halus.² Dalam bentuk karya (sajak, lukisan, musik dan lain lain) yang dicipta dengan melalui bakat kepandaian dari sesuatu ciptaan. Orang yang memiliki kemahiran untuk mencipta sesuatu yang luar biasa. Dalam bahasa Inggerisnya ialah 'art' yang bermakna halus, tipis dan damai. Kesenian merupakan aktiviti seni yang berkaitan dengan seni, keindahan dan kehalusan. Semua ini tidak ada lain melainkan membawa maksud nilai halus, indah, suci, berguna dan bermanfaat bagi manusia.

¹ Lihat Abdullah Yusof, "Seni Islam", *Siri Pengajian Usuluddin Universiti Malaya*, terbitan UMCCed, h. 6-7.

² *Kamus Dewan Edisi Keempat* (1989), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1169.

Menurut pengertian istilah pula, seni ialah segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, apakah ia merupakan hasil ciptaan Allah s.w.t mahupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan seorang manusia.³ Secara umumnya kesenian ditakrifkan sebagai sesuatu hasil ciptaan manusia yang memiliki nilai estetik bagi penciptanya, pernyataan dan hiasannya yang paling menonjol dan dominan dalam hal tertentu serta mengambil kira aspek kepenggunaan dan kemanfaatannya.⁴

Adapun pengertian lain secara terminologi banyak definisi yang dikemukakan. Antaranya adalah yang ditakrifkan oleh Quraish Shihab yang menyatakan bahwa: "*Seni adalah keindahan. Ia merupakan ekspresi ruh dan budaya manusia yang mengandungi dan mengungkapkan keindahan. Ia lahir dari sisi terdalam manusia didorong oleh kecenderungan seniman kepada yang indah. Apa pun jenis keindahan itu, dorongan tersebut merupakan naluri manusia, atau fitrah yang dianugerahkan Allah s.w.t kepada hamba-hamba-Nya*".⁵

Pandangan Islam Mengenai Seni

Islam merupakan agama yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia termasuk bidang seni. Terdapat tanggapan sesetengah pihak bahawa Islam hanya tertumpu kepada aspek ibadah semata-mata maka hal ini perlu dikaji semula. Jiwa manusia yang diciptakan oleh Allah s.w.t bukanlah hanya untuk beribadat semata-mata sebaliknya cenderung juga kepada perkara-perkara yang lain supaya membolehkan mereka meringankan beban dan fikiran selain juga ingin memberi ruang kepada tubuh badan bagi menjalankan aktiviti kehidupan sehari-hari. Seni merupakan salah satu aspek potensi yang dianugerahkan Allah s.w.t kepada manusia dan terdapat aktiviti tertentu yang dibolehkan dalam Islam selagi ianya tidak berlebih-lebihan atau melanggar batas-batas syariat. Adalah jelas bahawa Islam bukanlah agama yang mengharamkan kesenian tanpa sebab. Hal ini kerana kesenian adalah sebahagian daripada hiburan, manakala keperluan kepada hiburan pula adalah sebahagian daripada fitrah seseorang manusia. Adapun kemampuan menciptakan seni merupakan salah satu perbezaan antara manusia dan makhluk lainnya yang harus tetap dilestarikan selagi wujudnya peradaban manusia.

³Abdul Ghani Samsudin (2001), *Seni Dalam Islam*. Cet 2. Petaling Jaya: Intel Media, h 3.

⁴Nik Hassan Suhaimi (2000), *Kesenian Melayu: Roh Islam Dalam Penciptaan*. Mohd Taib Osman *et. al*, (ed), *Tamadun Islam di Malaysia*. h. 289.

⁵Quraish Shihab (1996), *Wawasan al-Qur'an*. Bandung: Mizan Publications, h. 385.

Dari segi sejarah, 'hasil seni' mulai lahir ketika permulaan Allah s.w.t mengajarkan Nabi Adam tentang nama-nama benda yang wujud di alam ini. Ini dikaitkan juga dengan kisah Nabi Daud dengan memiliki suara yang sangat merdu dan perkembangan seni suara ini berlangsung terus menerus sehingga ke zaman Nabi Muhammad s.a.w. Ini dibuktikan dengan penurunan al-Qur'an sebagai wahyu Allah s.w.t dengan mengandungi tulisan dan sastra yang sangat tinggi dan mengagumkan. Susunan kata-kata indah dari ayat-ayat suci al-Qur'an tersebut merupakan manifestasi keindahan sastra al-Qur'an yang dapat mempengaruhi kaedah bunyi yang dikenali sebagai 'sajak', 'pantun' dan 'puisi' dan sebagainya.

Pandangan Tokoh-Tokoh Terhadap Seni

Terdapat pelbagai pandangan di kalangan tokoh-tokoh dan sarjana Islam terhadap seni ini. Sebahagiannya dapat diungkapkan sebagai berikut:

- Sayyid Qutb menyatakan pandangannya bahawa:

“Kegiatan kesenian seluruhnya adalah pengolahan secara manusiawi mengenai konsep dan tindak balas manusia itu sendiri, dan mengenai konsep wujud dan hidup yang menjelma di dalam jiwa manusia.”⁶

- Ismail R. Faruqi berpendapat bahawa:

“Tidak seperti kebudayaan-kebudayaan lain yang mengaitkan keindahan sebagai kemewahan, nilai intrinstik yang difahami untuk kepentingan sendiri, kesenian Islam menghubungkan keindahan sebagai nilai yang tergantung keseluruhan kesahihan Islam itu sendiri.”⁷

- Muhammad Uthman El-Muhammady menyatakan bahawa:

“Dalam seni Islam, yang merupakan seni muqaddas tujuan yang terkandung dalam rupa umpamanya sebagai yang ada dalam seni bina ialah supaya dengan akal, manusia meneliti dan memperhati rupa, lalu ia mesti mengingati kembali kedudukannya sedalam

⁶ Sayyid Qutb (1979), *Petunjuk Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: El-Ikhwan Enterprise, h 129.

⁷ Ismail R. Faruqi (1980), *Islam and Culture*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h 38.

hubungan-hubungan yang disedarinya baik secara vertical dengan yang Maha Tinggi, ataupun hubungan secara horizontal dengan alam zahir ini, iaitu melalui kontemplasi sesuatu yang indah.”⁸

- Ismail Hamid berpendapat bahawa:

“Seni dalam Islam menanamkan rasa khusyu’ kepada Allah di samping memberi ketenangan dalam jiwa manusia sebagai makhluk Allah yang diciptakan dengan fitrah yang gemar kepada kesenian, oleh kerana itu seni dalam Islam tidak berprinsip seni untuk seni, tetapi sebagai seni kerana Allah untuk manusia.”⁹

Sifat-Sifat Seni

Seni sebagai ekspresi jiwa adalah merupakan bentuk-bentuk anatomi seimbang antara satu dengan yang lainnya serta diwujudkan dalam alam nyata dan rahsia. Untuk mengenali lebih mendalam bagaimana sifat-sifat seni ini dapat disalurkan, bolehlah dirujuk berdasarkan pandangan umum sarjana mahupun menurut kacamata Islam seperti mana berikut:

1. Seni sebagai ekspresi akan kecintaan dan keindahan. Keindahan pula lahir dari kejujuran seni sedangkan sesuatu yang berseni itu hanya dapat dilahirkan melalui kesabaran dan ketekunan.
2. Seni sebagai tanda pengagungan akan Pencipta. Seni yang dapat mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan tidak memandang apakah seni tersebut yang berbentuk visual maupun audio.
3. Seni dapat melahirkan hubungan baik antara manusia dengan Allah s.w.t dan dapat menghubungkan keakraban antara sesama manusia. Kebudayaan dalam Islam pula sangat menitikberatkan hubungan yang baik antara manusia dan pencipta-Nya dan antara sesama manusia dengan manusia dan alam sekitarnya.
4. Seni dapat mewujudkan jalinan baik antara akidah, syariah dan akhlak. Maka cara ini adalah untuk menghidupkan budaya berakidah ialah dengan menanamkan dalam hati sanubari kepercayaan kepada Allah s.w.t dengan baik dan bijaksana dalam menjalankan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-

⁸Muhammad Uthman El-Muhammady (1977), *Peranan Islam Dalam Pembentukan Kebudayaan Melayu Islam dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, h. 77.

⁹Ismail Hamid (1985), *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h 98.

Nya. Sedangkan syariah dalam Islam ialah tunduk dan taat serta patuh kepada perintah dan kasih sayang yang mesti dilaksanakan dengan penuh keikhlasan. Adapun akhlak adalah cara mempercantik diri dengan adat sopan santun, tutur kata yang baik, keperibadian yang terpuji sehingga tergambar sebagai susuk manusia yang berakhlak mulia.¹⁰

5. Seni dapat menjadikan segala sesuatu yang buruk dapat menjadi baik, jelek dapat menjadi bagus, keras dapat diubah menjadi lembut dan bahkan buruk pun dapat menjadi indah.

Sokongan Al-Qur'an Terhadap Seni

Al-Qur'an merupakan sumber pembentukan seni dalam tamadun Islam. Ia merupakan proses pengembangan berbagai jenis seni ini untuk terus berkembang menurut era dan zaman tertentu. Sebahagiannya dapat diperindahkan dan disempurnakan oleh tokoh-tokoh berpengaruh pada masa dan period masing-masing. Ada tiga contoh kegiatan seni yang dapat penulis kemukakan dalam tulisan ini iaitu:

1. Seni Khat

Salah satu bidang kesenian yang sungguh menakjubkan pernah dihasilkan oleh umat Islam iaitu seni khat atau sering juga disebut seni kaligrafi Islam. Seni ini berkembang dari satu masa ke masa sehingga ia menjadi begitu terkenal dan sangat diminati oleh para penggiat seni tulisan dalam masyarakat Islam. Seni ini memfokus terhadap hasil tulisan yang menggunakan berbagai gaya dan corak dengan menghasilkan rangkaian huruf, kalimat dan ayat yang ditulis secara sistematik, indah dan sempurna. Tokoh yang sangat berpengaruh dalam mengangkat seni ini antaranya ialah Ibn Muqlah. Sumbangan dan penemuan beliau dalam berbagai kaedah seni khat yang dikenali sehingga sekarang, telah diperindahkan oleh Ibn al-Bawwāb sehingga kaedahnya menjadi lebih sempurna. Seterusnya kaedah tersebut dikembangkan lagi oleh tokoh seperti Yaqut al-Musta'simi sehingga seni ini amat dikagumi. Perkembangan tulisan-tulisan seni khat utama dikenali dengan tulisan *Sittah* (enam) iaitu *Thuluth*, *Naskh*, *Muhaqqaq*, *Rayhani*, *Riq'ah* dan *Tawqi`*. Bentuk seni khat ini yang lebih dikenali dengan nama *al-Aqlam al-Sittah* (enam tulisan yang asal), adalah seperti berikut:

¹⁰Sidi Gazalba (1977), *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Polygraphyc Sdh. Bhd, h. 12.

- a. ***Khat Kufi*** iaitu merupakan jenis khat tertua. Seni tulisan ini banyak memiliki sudut dan siku-siku serta bersegi, mengandungi garis-garis vertikal pendek dan garis horizontal yang memanjang. Khat Kufi berkembang di Kufah dan khat ini juga disebut *Khat Muzawwa* iaitu salah satu jenis tulisan Arab berbentuk siku, tulisan ini berasal dari Khat Hier (Hira).¹¹ Tulisan Kufi sering disebut juga dengan *Jazm*.
- b. ***Khat Naskh*** iaitu tulisan jenis ini dikenali juga sebagai Naskh. Merupakan jenis tulisan tangan berbentuk *cursif* iaitu tulisan bergerak berputar (*rounded*) dan sifatnya mudah serta jelas untuk ditulis dan dibaca. Menurut Didin Sirojuddin A.R., “kata *Naskh* diambil daripada akar kata *Nuskah* atau *Naskah*.” Khat ini merupakan tulisan dasar yang paling banyak digunakan kerana mudah dipelajari.
- c. ***Khat Thuluth*** iaitu tulisan yang banyak digunakan untuk tujuan hiasan di berbagai manuskrip, khususnya dalam pembuatan tajuk-tajuk buku atau sub bab dan nama-nama kitab. Jenis ini juga digunakan sebagai tulisan hiasan pada dinding-dinding bangunan dan hiasan dalaman. Jenis ini sesuai dengan karekter hurufnya yang *artistik* (menyangkut tentang seni dan kebudayaan).

Thuluth lebih berwibawa bila dilengkapi dengan *tashkil* (harkat) dan *tazyin* (hiasan) sehingga tidak ada lagi cela-cela dan ruang kosong tidak terisi melainkan penuh dan padat dengan hiasan sebagai pelengkap seri dan keindahannya. Tulisan ini telah dikembangkan sepenuhnya menjelang abad ke-9 dan menjadi sangat popular kegunaannya sebagai hiasan dan tulisan di masjid-masjid pada abad ke-10 dan 11.
- d. ***Khat Farisi*** iaitu sesuai dengan namanya iaitu jenis Khat Ta'liq atau Farisi yang banyak berkembang di Parsi (Iran), Pakistan, India dan Turki. Perkembangan khat ini bermula dari Parsi pada masa pemerintahan Dinasti Safavid (1500-1800 M). Pada masa pemerintahan Shah Ismail dan Shah Tahmas, perkembangan Khat Ta'liq sangat meluas sehingga mengalami kemajuan amat pesat kerana tulisan ini menjadi satu tulisan rasmi yang digunakan di

¹¹Suatu tempat yang bernama Hira berdekatan dengan Kufa. Kufa sebagai pusat agama dan perkembangan politik Islam, maka dengan sendirinya Khat Hier berubah status menjadi Kūfi.

Parsi ketika itu. Menurut sejarahnya, Khat Ta`liq berasal dari tulisan jenis Kufi yang dibawa oleh penguasa-penguasa Arab pada masa penaklukan Parsi.

- e. ***Khat Riq`ah*** iaitu khat yang disebut juga Khat Riq`ie atau Riqah`. Khat ini merupakan jenis tulisan cepat dan hampir sama dengan cara menulis stenograf. Corak ini banyak digunakan untuk tulisan tangan biasa yang bersifat ringkas dan cepat kerana tidak banyak memiliki lekukan. Dikatakan bahawa Khat Riq`ah berasal dari tulisan Naskh dan Thuluth. Apa yang membezakan hanyalah cara penulisan Khat Riq`ah lebih cepat daripada keduanya, sebab ianya tidak memerlukan banyak lekukan pada ujung-ujung hurufnya.
- f. ***Khat Diwani*** iaitu tulisan yang sangat berbeza dengan Khat Naskh dan Thuluth. Khat Diwani berbentuk melingkar-lingkar, condong bersusun-susun, hurufnya tumpang tindih, lentur dan bebas. Namun ukuran dan bentuk huruf-hurufnya dalam satu ayat tidak bermacam-macam dan penulisannya pun sangat tergantung kepada kemahiran, kecekapan, kreativiti atau minat daripada penulisnya. Khat Diwani merupakan suatu corak tulisan Uthmani yang sejajar perkembangannya dengan tulisan Syikasteh Farisi.

2. Seni Bina

Al-Qur'an telah memberikan inspirasi penting kepada kelahiran seni bina Islam terutamanya dalam pembangunan kota indah yang memiliki laman yang menyejukkan dan tidak ada hal-hal yang dapat merusakkan pandangan mata. Dalam hal ini, al-Qur'an memberikan kita contoh dalam dua sisi iaitu syurga ukhrawi dan syurga duniawi.¹² Syurga ukhrawi digambarkan keindahannya yang tiada tolak ukur bandingannya dan tidak dapat dikhayalkan melalui angan-angan seorang manusia, tidak dapat dilihat oleh pandangan mata kasar manusia biasa dan bahkan tidak dapat didengar apa-apa yang berlaku di dalamnya. Cuma apa yang pasti hanya dapat digambarkan melalui ungkapan sungai-sungai mengalir di bawahnya, dihiasi dengan seni laman-laman yang indah berseri dipenuhi dengan buah-buahan dan bunga-bunga yang semerbak bau dan warnanya bahkan terdapat makanan yang tidak menjemukan dan membosankan yang ada di dalamnya. Seperti yang dijelaskan dalam surah al-Nisa` 4: 57:

¹²Mustafa Haji Daud (1997), *Al-Qur'an Sumber Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 354.

Maksudnya: “*Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, kelak akan Kami masukkan mereka ke dalam syurga yang di dalamnya mengalir sungai-sungai; kekal mereka di dalamnya; mereka di dalamnya mempunyai isteri-isteri yang suci, dan Kami masukkan mereka ke tempat yang teduh (laman) lagi nyaman.*”

Syurga duniawi yang ingin digambarkan oleh al-Qur'an adalah adanya pembangunan yang dipenuhi dengan nilai-nilai keimanan, ketakwaan dan amal soleh seperti yang telah Rasulullah s.a.w contohkan kepada kaum muslimin di kota Madinah pada awal pengembangan dakwah Islam. Walaupun pembangunan seni bina pada masa itu tidak terlalu bermutu tinggi tetapi ciri-ciri kota dan bandar yang dibina oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat telah memiliki ciri-ciri yang dikehendaki oleh al-Qur'an. Oleh itu, Rasulullah telah memulakan dakwah Islam di kota Madinah dengan membangunkan sebuah masjid sebagai tempat umat Islam beribadah dan menjadi pusat segala kegiatan keislaman termasuk urusan pemerintahan, pengajaran dan lain sebagainya. Pengembangan seterusnya ialah di masjid Nabawi, kota Madinah iaitu mempunyai mimbar yang telah dihias indah dengan dua bola yang berbentuk buah delima diperbuat dari ukiran kayu. Ini membuktikan bahawa ukiran merupakan salah satu bidang seni yang cukup penting dalam sejarah tamadun Islam dikembangkan melalui seni bina masjid dari semasa ke semasa.

Apa yang paling penting dalam bidang ini adalah aspek penekanan yang di kehendaki dalam pembangunan seni bina iaitu keseimbangan antara pembangunan dengan kerohanian yang di dalamnya yang harus diwarnai dengan keimanan, ketakwaan dan amal soleh yang dipadukan dengan pembangunan berupa binaan-binaan yang mencakar langit, istana indah, hiasan-hiasan laman cantik, masjid mewah, fasiliti dan kemudahan pasar yang mencukupi dan sebagainya. Ia mesti terhindar dari pelbagai pengaruh kesyirikan, riak, takabbur dan maksiat agar tercipta seni bina Islam yang boleh dibanggakan sampai bila-bila.

3. Bahasa dan Kesusasteraan

Al-Qur'an menjelaskan ayat-ayat melalui ungkapan-ungkapan ta'bir, *uslub*, bahasa dan sastera Arab yang sangat tinggi. Al-Qur'an menjelaskan bahawa pencapaian kebudayaan dan tamadun yang tertua sekali di atas muka bumi ini oleh manusia ialah dalam bidang bahasa dan

kesusasteraan.¹³ Buktinya Allah s.w.t telah menganugerahkan wahyu kepada Nabi Adam serentak dengan penganugerahan kemampuan dan kemahiran dalam berbahasa. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah S.W.T dalam surah al-Rahman 55: 1-4 sepertimana berikut:

Maksudnya: “(Tuhan) Yang Maha Pemurah. Yang telah mengajarkan al-Qur’an (wahyu). Dia menciptakan manusia. Mengajarnya pandai berbicara.”

Ayat di atas mengungkapkan beberapa huraian. *Pertama*, peradaban manusia yang terawal ialah diberikannya kemampuan untuk bertutur dan berbahasa. *Kedua*, peradaban manusia bermula dengan adanya bimbingan wahyu.¹⁴ Ini juga bererti peradaban manusia yang pertama di atas muka bumi ini iaitu dicipta oleh Nabi Adam dan keturunannya di bawah bimbingan akidah, syariat dan akhlak daripada Allah s.w.t.

Sejarah juga mengakui bahawa pengungkapan al-Qur’an ini dihuraikan juga dalam peradaban masyarakat purba dan primitif yang bermula dengan bahasa dan kesusasteraan. Masyarakat purba dan primitif walaupun kebanyakannya menganut fahaman animisme namun mereka tetap menjalankan upacara keagamaan atau adat istiadat penyembahan atau pemujaan dewa-dewa yang mereka percayai. Di antara ciri terawal dalam adat istiadat pemujaan itu ialah luahan perasaan ketaksuban, ketaatan dan sebagainya dengan menggunakan susunan kata-kata yang indah yang kemudiannya dikenali sebagai mantera dan seumpamanya.

Hal ini bererti bahawa kesusasteraan lisan merupakan pencapaian kebudayaan manusia yang terawal. Setelah kesusasteraan lisan lebih maju, maka barulah lahir karya puisi, prosa, syair, cerita dan sebagainya. Di puncak pencapaian kesusasteraan lisan ini maka lahir pula kesusasteraan melalui tulisan dengan diiringi kelahiran berbagai corak tulisan. Ekoran itu, lahirlah kitab-kitab suci seperti Ring Veda, Atarvaveda, Upanishad dalam tradisi agama Hindu dan lain sebagainya.¹⁵

¹³ *Ibid*, h. 348.

¹⁴ *Ibid*, h. 348.

¹⁵ Sidi Gazalba (1977), *op. cit.*, h. 24.

Ini bererti sejarah peradaban manusia juga sejajar dengan apa yang diungkapkan oleh al-Qur'an iaitu tamadun manusia itu bermula dengan keimanan, ketakwaan dan amal soleh. Hanya kerana masyarakat purba dan primitif yang datang terkemudian selepas Nabi Adam telah tersesat dan jauh daripada ajaran kitab para Rasul utusan Allah s.w.t, menyebabkan kesusasteraan yang mereka hasilkan itu membawa kepada penyebaran tuhan palsu dan sesat. Sebenarnya, kesusasteraan itu sewajarnya bertitik tolak daripada akidah, syariat dan akhlak untuk menuju ke arah keimanan, ketakwaan dan perbuatan amal salih. Itulah kesusasteraan yang tepat dan sebenarnya yang memenuhi fitrah asal manusia yang cintakan keindahan dan kedamaian di bawah keredaan Allah s.w.t.

Beberapa Isyarat Seni Dalam Al-Qur'an

Al-Qur'an merupakan sumber tamadun Islam, merupakan mukjizat terbesar yang pernah diturunkan oleh Allah s.w.t kepada Rasul-Nya ke muka bumi ini. Oleh kerana itu, keunggulannya sebagai mukjizat tidak akan pernah tertanding, sasteranya tidak akan pernah boleh disamai oleh ciptaan manusia dan bahkan tidak akan pernah mampu disaingi oleh sekumpulan manusia mahupun jin sekalipun dari segi makna, isi, kandungan, *uslub*, huruf mahupun kalimat-kalimatnya sejak ia diturunkan sehingga ke hari kiamat kelak.

Keunggulan lain al-Qur'an yang juga membahas segala permasalahan hidup tanpa terkecuali baik yang menyangkut tentang ilmu, syariat, akhlak mahupun kerjaya termasuk seni dan keindahan. Oleh kerana itu, huraian ini akan semakin indah kalau diperincikan contoh-contoh ungkapan keindahan seni yang terkandung dalam al-Qur'an dikemukakan secara terperinci dan jelas. Ini diperlihatkan menerusi huraian-huraian ayat-ayat Allah s.w.t seperti berikut:

1. Penciptaan jagat raya mengungkap keserasian dan keindahan seni bina ciptaan Allah s.w.t.

Firman Allah S.W.T dalam surah Qaf 50: 6.

Maksudnya: *"Maka apakah mereka tidak melihat akan langit yang ada di atas mereka, bagaimana Kami meninggikannya dan menghiasinya dan langit itu tidak mempunyai retak-retak sedikit pun?"*

2. Warna-warni tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan sebagai seni berbagai rupa dan rasa.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-An`am 6: 99:

Maksudnya: *“Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau, Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu butir yang banyak; dan dari mayang korma mengurai tangkai-tangkai yang menjulai, dan kebun-kebun anggur, dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah buahnya di waktu pokoknya berbuah, dan (perhatikan pulalah) kematangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman.”*

3. Seni bina masjid menjadi tempat utama untuk beribadah bagi orang-orang yang beriman pada waktu pagi dan petang.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Nur 24: 36.

Maksudnya: *“Bertasbih kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintahkan untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya di dalamnya, pada waktu pagi dan waktu petang.”*

4. Peralatan seni dan tulisan pun diperhatikan oleh al-Qur’an.

Firman Allah S.W.T dalam surah al-Qalam 68: 1.

Maksudnya: *“Nun, demi kalam dan apa yang mereka tulis.”*

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatlah direnungi bahawa Islam adalah agama yang mengharuskan kesenian dengan ketentuan-ketentuan tertentu, bahkan sangat menggalakkan manusia untuk berhibur atau menenangkan fikiran asalkan aktiviti-aktiviti kesenian tersebut tidak melanggar batas-batas syariat Islam yang telah ditetapkan dan bahkan dapat menjadi wasilah untuk melakukan amal ma'ruf dan nahi mungkar.

Kesenian boleh dijadikan sebagai media untuk mengajak manusia supaya mengagungkan kebesaran Allah s.w.t dan menyeru manusia supaya melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan perbuatan kejahatan. Seni khat, seni bina dan bahasa mahupun kesusasteraan merupakan cabang-cabang penting kesenian yang ada dalam Islam dan perlu diperkembangkan. Justeru, perlu adanya usaha untuk mempertingkatkan kemahiran seni yang cantik dan indah tersebut berdasarkan keupayaan dan kreativiti dan inovasi umat manusia khasnya para penggiat seni dan seniman Islam dengan berpandukan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai titik tolak dalam menerapkan konsep kesenian yang Islam.

Perkembangan ini sangat dipengaruhi dengan wujudnya isyarat-isyarat jelas menerusi al-Qur'an sebagai satu manifestasi seni. Ia boleh dan patut terus dipelihara dan dikekalkan berlandaskan syariat Islam yang tidak melarang kesenian dan bahkan memberi isyarat penting untuk terus diterapkan dalam kehidupan. Selain itu, semoga tulisan ini diharap dapat menterjemahkan sebahagian intisari al-Qur'an berhubung manifestasi seni yang terkandung di dalamnya agar dengan itu kehendak dan minat masyarakat Islam dapat direalisasikan dalam kehidupan berbudaya dan bermartabat asalkan seniman Islam berkarya dengan ikhlas dan kerana Allah s.w.t.